

BOLTON

Date : 10 March 2010
Publication : Berita Harian
Title : Bolton lancar empat projek bernilai RM1 billion

24 | Rabu 10 Mac 2010

EKONOMI

BERITA HARIAN

Bolton lancar empat projek bernilai RM1 billion

Syarikat bangun semula hartanah di Bukit Ceylon dengan pembinaan kondominium mewah 33 tingkat



MOHAMED AZMAN (dua kanan) bersama Pengarah Eksekutif Bolton, Chan Wing Kwong (kanan) melihat model Kondominium SixCeylon. Turut kelihatan Ahli Lembaga Pengarah Bolton, Datuk Zakaria Ahmad (kiri) dan Abd Sani Busu.



HARTANAH

Oleh Ahmad Farizal Hajat
ahmadfarizal@berita-harian.com.my

PEMAJU hartanah, Bolton Bhd, merancang melancarkan empat projek pembangunan bercampur dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1 bilion tahun ini, berdasarkan jangkaan pertumbuhan positif ekonomi negara.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Mohamed Azman Yahya, berkata daripada empat projek berkenaan, tiga akan dibangunkan di beberapa kawasan di Lembah Klang manakala satu lagi di Pulau Pinang.

"Empat projek itu akan membabitkan pembangunan projek kondominium mewah di Kenny Hills, Puchong dan '51 Gurney' di Jalan Persiaran Gurney, Pulau Pinang; lot komersial di Tasik Prima, Puchong; dan pembangunan semula apartmen Bolton Court di Jalan Bukit Ceylon, Kuala Lumpur.

"Keseluruhan projek yang mempunyai GDV RM1 bilion itu akan dilancarkan secara berperingkat tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis simbolik meruntuhkan Kondominium Bolton Court dan pratonton pembangunan semula kawasan itu kepada pembangunan kondominium dikenali SixCeylon di Kuala Lumpur, semalam.

Mohamed Azman berkata, dengan pelancaran hartanah berkenaan dan ditambah dengan projek hartanah sedia ada kumpulan, ia dijangka berupaya memberi sumbangan positif kepada keuntungan Bolton dalam tahun kewangan semasa dan akan datang.

"Saya menjangka dengan projek sedia ada kumpulan ketika ini, ia akan membantu meningkatkan lagi jualan kumpulan sehingga 50 peratus dalam tahun kewangan akan datang daripada RM280 juta pada tahun kewangan lalu," katanya.

Ketika ini, Bolton sibuk



MOHAMED AZMAN melakukan upacara perasmian projek.

memajukan projek hartanah seperti Kondominium Surin di Tanjung Bungah, Pulau Pinang dan beberapa projek perumahan bercampur di Lembah Klang dengan GDV hampir RM2 bilion.

Mengenai pembangunan semula Kondominium Bolton Court kepada kondominium mewah baru dikenali SixCeylon di Bukit Ceylon, Mohamed Azman, berkata projek pegangan bebas itu dijangka siap dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Katanya, apabila siap nanti, kondominium baru 33 tingkat itu akan menampilkan empat jenis rumah yang

mempunyai jumlah keluasan berbeza, bermula daripada 696 kaki persegi sehingga 1,555 kaki persegi.

Sebelum ini, Bolton Court, iaitu kondominium 12 tingkat yang dibangunkan pada 1970 dengan hanya mempunyai 20 unit kediaman berkembar, namun ia akan berubah wajah dengan menampilkan kondominium mewah yang mempunyai 215 unit apabila ia siap dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Kediaman di SixCeylon dijangka ditawarkan pada harga bermula daripada RM600,000 sehingga RM1.2 juta seunit," katanya.